

# Penganjuran SPSSK 2022 beri manfaat besar kepada pelajar pascasiswazah

UB 23.12.2022 P.08

**KOTA KINABALU:** Pelajar pascasiswazah akan menerima manfaat besar menerusi maklum balas dan perkongsian idea menerusi penganjuran Seminar Serantau Pascasiswazah Sains Sosial & Kemanusiaan (SPSSK 2022) yang berlangsung selama dua hari bermula kelmarin.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, penganjuran seminar itu meningkatkan lagi motivasi pelajar pascasiswazah untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan dan inovasi pada masa akan datang.

Jelasnya, ia juga dapat membina jaringan kerjasama luar dengan rakan-rakan penyelidik dari universiti-universiti lain di dalam dan luar negara untuk berkongsi idea, maklumat dan pengetahuan.

"Pengurusan UMS sentiasa berilitizam dalam menyediakan platform terbaik kepada para pelajar pascasiswazah untuk berkongsi ilmu melalui pelbagai medium misalnya \*



**TERIMA KASIH:** Rasid (dua kanan) menyampaikan cenderamata berbentuk lukisan kepada Shamsul Amri yang menyampaikan ucaptama pada seminar inti.



**SOKONGAN:** Sebahagian penonton yang hadir mendengar ucaptama sempena SPSSK 2022.

persidangan, bengkel, forum mahupun seminar seperti ini.

"Selain itu, pengurusan UMS juga menyediakan pelbagai incentif berupa bantuan kewangan dan geran penyelidikan khas untuk para pelajar pascasiswazah bagi merangsang para pelajar supaya berusaha lebih kompetitif dan berinovatif dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti serta bermutu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan SPSSK 2022 anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kumanusiaan (FSSK) UMS yang berlangsung di Dewan Resital UMS.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS, Profesor Dr. Rasid Mail.

Tambah beliau, SPSSK 2022 yang bertemakan "Transformasi Ilmu Pengetahuan dan Teknologi Im-

plementasinya Terhadap Kepentingan Pembangunan Negara-Negara Asean" sangat bertepatan kerana seminar itu mengangkat dan mengiktiraf sumbangaan sains sosial dan kumanusiaan terhadap situasi semasa yang penuh dengan pelbagai perubahan dan cabaran.

"Sebagai ahli sains sosial dan kumanusiaan, kita sebenarnya mampu untuk menjadi penyumbang ke arah kesejahteraan individu,

masyarakat dan negara dalam menghadapi ketidaktentuan masa hadapan terutamanya pasca COVID 19.

"Oleh itu, saya berharap, hasil daripada pelbagai pembentangan ilmiah ini menjadi asas untuk kita menyedari perkaitan antara penyelidikan, inovasi dan teknologi dalam meneruskan kelestarian kehidupan," ujarnya.

Beliau turut berharap agar seminar pascasiswazah itu menjadi titik tolak untuk

sama-sama berganding bahu dan berkongsi komitmen bagi memastikan proses pengajaran dan penyelidikan pelajar pascasiswazah berjalan dengan lancar dan sempurna, dan akan dapat menamatkan pengajaran dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan.

Terdahulu, Dekan FSSK UMS, Prof. Madya Dr. Asmady Idris berkata, SPSSK yang dianjurkan buat kali ke-5 ini bertujuan untuk memberi peluang kepada

pelajar pascasiswazah untuk membentangkan hasil penyelidikan dalam pelbagai bidang penyelidikan sains sosial dan kumanusiaan.

Menurutnya, sebanyak 70 kertas kerja akan dibentangkan dalam seminar kali ini dan sebahagian pembentangan adalah dari Universitas Nasional Indonesia dan Universitas Muhammadiyah Jakarta.

Pada seminar kali ini, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin turut menyampaikan ucaptama bertajuk "Transformasi Ilmu Pengetahuan dan Teknologi Implementasinya Terhadap Kepentingan Pembangunan Negara-Negara Asean" yang juga merupakan tema seminar telah menarik minat kira-kira 500 audiens yang hadir.

Turut hadir, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FSSK, Dr. Syahruddin bin Awang Ahmad dan Pengarah SPSSK 2022, Dr. Fauzi Sarsono.